

## **AMALAN DAN MASALAH PENGAJARAN LITERASI BAHASA GURU BAHASA MELAYU KETIKA MENGAJAR MURID PENAN**

*(Practice and Problems for Malay Language Teachers' in Literacy Teaching during Teaching Penan Students)*

**LAYANG UGEK**

Kementerian Pendidikan Malaysia  
[layangugek@gmail.com](mailto:layangugek@gmail.com)

**JAMALUDIN BADUSAH**

Universiti Kebangsaan Malaysia  
[jhb@ukm.edu.my](mailto:jhb@ukm.edu.my)

**Dihantar pada:**

18 Mac 2018

**Diterima pada:**

13 Mei 2018

**Koresponden:**

[layangugek@gmail.com](mailto:layangugek@gmail.com)

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengetahui amalan pengajaran literasi bahasa di samping mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu ketika mengajar murid-murid Penan di Sarawak. Kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pensampelan bertujuan. Seramai lima orang guru bahasa Melayu yang mengajar tahap 2 di dua buah sekolah rendah murid Penan dipilih sebagai peserta kajian. Lokasi sekolah kajian ini adalah sebuah sekolah rendah di daerah Belaga dan sebuah di daerah Baram. Data temu bual ini pula disokong oleh data pemerhatian dan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati amalan pengajaran guru bahasa Melayu adalah bersistematis untuk memudahkan perancangan guru mengikut tahap pencapaian murid. Amalan sebegini dapat membantu murid-murid Penan mengetahui dengan lebih awal kemahiran-kemahiran yang akan diajar oleh guru. Guru bahasa Melayu juga menghadapi pelbagai masalah dalam usaha meningkatkan prestasi akademik murid-murid Penan sama ada berpunca daripada murid itu sendiri dan ataupun ibu bapa murid yang masih tidak mementingkan pelajaran. Implikasi kajian ini ialah amalan pengajaran guru sistematik dapat membantu murid-murid Penan mempelajari bahasa Melayu dengan mudah dan berkesan.

**Kata kunci:** Amalan pengajaran, masalah pengajaran, literasi bahasa Melayu, murid Penan

**Abstract:** This study aims to determine practice implemented in teaching of Malay Language Literacy of level 2. In addition, the study identifying the problem faced by teachers to improve the academic performances of Penan students in Sarawak. This is a case study with qualitative design. A total of five teachers who taught Malay language level 2 were selected as respondents. They were from two primary schools of Penan students in Belaga and Baram District respectively. The verbatim interviews data were further supported by the observation data and analysis document. The study found that teachers' weekly instructional have a systematic process to facilitate the teachers' plan by level of student achievement. Such teaching practice can help students to know the skills much earlier or topics that will be taught by the teachers. The study also found that teachers face problem in raising academic performance for Penan students because of students and parents' attitude have no interested in studies. The implication of this study is that systematic teacher teaching practices can help Penan students learn Malay language easily and effectively.

**Keywords:** Teaching practice, teaching problem, Malay language literacy, Penan students

## PENGENALAN

Kejayaan dan keberkesanan pengajaran guru di dalam bilik darjah banyak berkait rapat dengan kebertanggungjawaban di samping mempunyai kelengkapan keilmuan yang mantap untuk mengaplikasikan amalan pengajaran dengan berkesan. Amalan pengajaran guru dalam bilik darjah berkait rapat dengan strategi yang digunakan. Amalan pengajaran merujuk kepada pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran (Adenan & Khairuddin 2012, Raghbir Kaur 2012).

Amalan pengajaran yang sesuai dengan tahap umur serta pencapaian murid bukan sahaja dapat meningkatkan mutu penyampaian seseorang guru, malah ia akan menjadikan sesuatu pembelajaran yang lebih bermakna dan menyeronokkan (KPM 2010b). Dalam hal ini, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan petunjuk terbaik bagi kemajuan masa depan sesebuah negara (KPM 2013). Perkara ini terdapat dalam Misi Pendidikan Guru Malaysia yakni membangunkan sistem pendidikan guru yang berkualiti dan melahirkan guru yang sentiasa cemerlang dan bersedia memenuhi aspirasi negara (KPM 2001b). Bagi menjamin guru yang berkualiti dari segi kompetensi dan keberkesanan mengajar, tiga aspek utama yang harus diberi perhatian, yakni nilai dan amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran (P&P) di dalam bilik darjah (KPM 2009).

Tegasnya, semua guru perlu merancang dan melaksanakan proses P&P yang berkualiti tinggi serta bersungguh-sungguh untuk mengembangkan potensi serta pencapaian murid pada tahap yang maksimum (KPM 2010b) sebagai persediaan melahirkan masyarakat yang berilmu.

## PROGRAM LITERASI BAHASA

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mewujudkan Program Literasi Bahasa Melayu, iaitu sebahagian daripada Program *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) yang bermula pada tahun 2010 kepada semua murid tahun 1 sebagai kohort pertama (KPM 2011). Program LINUS merupakan salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Result Area* (NKRA) (KPM 2010a).

Matlamat utama program LINUS adalah untuk memastikan semua murid yang mengikuti program literasi dapat menguasai bahasa Melayu kecuali murid-murid keperluan khas. Bagi membantu meningkatkan penyertaan Orang Asli dan kaum minoriti seperti Penan dalam penguasaan literasi bahasa Melayu, KPM telah memperkenalkan Program Pendidikan Pemulihan Khas Murid Orang Asli (PKMOA) (KPM 1998). Pada tahun 2008, KPM telah mewujudkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Murid Asli-Penan (KAP) dan Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi (KEDAP) (KPM 1998 & 2012c).

Kesemua program tersebut menitikberatkan penguasaan literasi dalam kalangan Orang Asli dan juga kaum peribumi (Penan) di Sarawak. Susulan itu, Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli-Penan (KPM 2012a) melalui PPPM juga diwujudkan dengan tujuan untuk mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli-Penan supaya seiring dengan kemajuan masyarakat Malaysia yang lain.

Usaha ini diteruskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dengan memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah pedalaman di Sabah dan Sarawak melalui Pelan Transformasi Pendidikan Sekolah Pedalaman Sabah dan Sarawak dengan sasaran sehingga 50 peratus pengurangan jurang menjelang tahun 2020 (KPM 2012a). Pelan tersebut adalah kesinambungan daripada Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli (PTPOA) (KPM 2008) yang diperluaskan kepada kaum Penan di Sarawak dengan harapan meningkatkan kadar literasi Bahasa Melayu (KPM 2012c).

Usaha merapatkan jurang ini akan menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai sistem pendidikan yang lebih saksama di dunia (KPM 2012a). Bagi membantu merealisasikan transformasi tersebut, kerajaan memperkenalkan Pelan Strategik Interim 2011-2020 (KPM 2012b) yang menitikberatkan penguasaan literasi dalam kalangan murid terutama murid-murid peribumi yang tinggal di kawasan terpencil.

Sehubungan dengan itu, guru dituntut mengaplikasikan amalan pengajaran yang terbaik dengan meningkatkan kualiti kepimpinan dan kemahiran yang sedia ada dalam sistem pendidikan (KPM 2012b). Kepimpinan dan kemahiran yang berkualiti sudah tentu dapat meningkatkan kadar literasi dalam kalangan murid

peribumi Penan yang masih jauh ketinggalan dalam pendidikan (PPD Baram dan Belaga 2013).

Bagi merealisasikan negara Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020, masyarakat peribumi minoriti perlu dilibatkan bersama dalam membangunkan agenda negara meskipun sering kali kedengaran isu terhadap masyarakat peribumi Penan sebagai masyarakat yang kurang maju dan ketinggalan. Hakikatnya, masyarakat peribumi Penan mempunyai hak dan peranan dalam usaha membangunkan negara.

Untuk itu, barisan guru di peringkat sekolah perlu memainkan peranan dengan bijaksana untuk melaksanakan amalan pengajaran berpandukan kepada kurikulum persekolahan terkini yang banyak menggunakan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Oleh yang demikian, murid-murid seharusnya dilengkapi dengan kemahiran literasi yang mantap untuk bersaing di peringkat global demi mengharungi cabaran pada abad ke-21.

## PERNYATAAN MASALAH

Bagi meningkatkan tahap penguasaan pembelajaran murid dalam literasi, KPM telah membuat semakan dan penambahbaikan terhadap kurikulum KBSR dan KBSM (2003) dan diganti dengan KSSR dan KSSM yang berbentuk modular pada tahun 2011. Dalam KBSR dan KBSM, pendekatan P&P seperti Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK), Kajian Masa Depan (KMD), Pembelajaran Akses Kendiri (PAK), Belajar Cara Belajar (BCB) dan Teori Kecerdasan Pelbagai (TKP) diserapkan ke dalam pengajaran bahasa Melayu dan kurikulum khas kepada murid-murid Orang Asli-Penan, iaitu KAP diwujudkan untuk membantu meningkatkan prestasi akademik murid-murid Penan. Pembelajaran materi, pentaksiran berdasarkan sekolah (PBS), TMK, pembelajaran secara konstektual dan konstruktivisme juga diserapkan dengan harapan agar dapat memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran bahasa Melayu murid di sekolah.

Meskipun pendekatan tersebut dilaksanakan dalam mata pelajaran lain untuk membantu penguasaan bahasa Melayu, tetapi secara keseluruhan tahap penguasaan literasi dalam kalangan murid Penan di Sarawak masih lemah dan tidak setanding dengan masyarakat peribumi

yang lain walaupun mereka sama-sama tinggal jauh di kawasan pedalaman.

Dari aspek kualiti pula, masih terdapat jurang yang luas antara murid Penan daripada kaum-kaum peribumi yang lain, khususnya dari sudut pencapaian murid dalam UPSR dan juga PROTIM (PPD Baram dan Belaga 2013 dan 2014). Kadar pencapaian masyarakat Penan dalam pendidikan masih terlalu rendah dan hampir sama dengan masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Menurut Abdul Razaq dan Zalizan (2009), masalah ini timbul kerana ibu bapa masyarakat Orang Asli masih kurang berminat dengan pendidikan hingga terdapat dalam kalangan mereka menganggapkan sekolah sebagai tempat untuk menghantar anak-anak untuk bermain dan makan.

Persepsi yang sedemikian juga berlaku kepada murid-murid Penan. Keadaan ini dapat dibuktikan melalui keputusan UPSR sekolah-sekolah peribumi Penan di Sarawak dari tahun 2013 hingga 2015 seperti berikut:

JADUAL 1. Keputusan UPSR sekolah-sekolah Penan di Sarawak

Bil.	Nama Sekolah	Gred Purata Sekolah (GPS)		
		2013	2014	2015
1	SK Long Lamei	3.66	2.74	3.34
2	SK Long Sait	3.79	4.03	3.00
3	SK Long Luteng	4.16	3.53	4.15
4	SK Long Kevok	3.08	3.43	2.89
5	SK Long Jekitan	4.01	4.09	4.16
6	SK Long Pelutan	2.58	2.60	2.60
7	SK Lusong Laku	3.63	4.06	3.44
8	SK Metalun	-	4.48	4.48

Sumber : Pejabat Pelajaran Daerah Baram dan Belaga (2015)

Berdasarkan keputusan UPSR tersebut, didapati hanya SK Long Pelutan sahaja yang menunjukkan prestasi yang baik, manakala tujuh buah sekolah murid Penan yang lain dikategorikan sebagai sekolah berprestasi rendah. Sekolah yang dikenal pasti sebagai sekolah berprestasi rendah ialah sekolah yang memperoleh keputusan UPSR dengan gred purata sekolahnya 3.00 dan ke atas (KPM 2010b). Dalam hal ini, purata murid-murid Penan memperoleh keputusan gred D dan E dalam UPSR. Keadaan ini bertambah buruk kerana tahap pendidikan ibu bapa kaum Penan yang rendah mendorong mereka tidak mengambil berat mengenai pendidikan anak-anak.

Pejabat Daerah Belaga (2013) juga menegaskan bahawa masalah murid-murid Penan tidak dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi disebabkan masalah celik literasi dan ditambah pula dengan masalah taraf sosioekonomi yang rendah. Nur Bahiyah (2013) turut menyatakan taraf pendidikan ibu bapa Orang Asli yang rendah mengakibatkan mereka tidak tahu perkembangan serta memahami kepentingan pendidikan anak-anak. Nur Bahiyah menambah bahawa tidak perlu menghantar anak ke sekolah pun mereka masih boleh terus menyara kehidupan ahli keluarga.

Menurut Abdul Razaq dan Zalizan (2009), guru menghadapi kesukaran menyampaikan pengajaran dengan berkesan kepada murid-murid Orang Asli kerana penguasaan bahasa Melayu mereka yang masih lemah. Keadaan ini mendorong murid-murid Orang Asli rasa bosan ketika berada di dalam kelas dan tidak mengambil berat terhadap pelajaran. Situasi seumpama ini juga berlaku kepada murid-murid Penan.

Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu murid-murid Penan dalam pendidikan tetapi belum menampakkan kejayaan. Kurikulum yang digubal kepada Orang Asli-Penan dalam bahasa Melayu berfokus kepada kemahiran berbahasa dan kemahiran membaca dan menulis adalah antara aspek yang terkandung di dalamnya.

Persoalannya, mengapakah dalam tempoh waktu yang begitu lama masih lagi wujud keciciran dalam kalangan murid Penan yang tidak dapat menguasai kemahiran literasi seperti membaca dan menulis meskipun kurikulum khas untuk Orang Asli dan Penan seperti KAP telah digubal dengan baik? Kini, sudah sampai masanya perkara ini perlu dibincangkan dengan lebih mendalam agar masyarakat Penan tidak jauh ketinggalan dalam konteks sistem pendidikan negara kita.

## TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pengajaran dan masalah pengajaran literasi bahasa Melayu tahap 2 dalam kalangan guru yang di sekolah peribumi Penan di Sarawak. Secara khusus, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneroka amalan yang diaplikasikan oleh guru dalam penyampaian pengajaran literasi bahasa Melayu tahap 2 di sekolah peribumi Penan;
2. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru dalam pelaksanaan pengajaran literasi bahasa Melayu tahap 2 di sekolah peribumi Penan.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk dan Peserta Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian kes secara kualitatif dengan teknik pensampelan bertujuan. Pemilihan pensampelan bertujuan membolehkan pengkaji mencari kumpulan, individu dan persekitaran di mana proses kajian benar-benar berlaku.

Untuk itu, seramai lima orang guru yang mengajar bahasa Melayu tahap 2 iaitu GBM1, GBM2, GBM3, GBM4 dan GBM5 dijadikan responden kajian di dua buah sekolah rendah Penan di Sarawak. Dalam kajian ini, rasional penentuan dan pemilihan peserta kajian menggunakan kaedah kajian kes adalah kerana peserta kajian yang dipilih bertepatan dengan ciri-ciri yang diperlukan, iaitu guru yang mengajar murid yang memperoleh keputusan mata pelajaran Bahasa Malaysia UPSR dan PROTIM yang sangat lemah (PPD Baram dan Belaga 2013).

Pemilihan ini bertujuan untuk menangani kelemahan penguasaan literasi bahasa Melayu dalam kalangan murid Penan yang menggunakan kaedah kajian kes yang disyorkan oleh Marohaini (2004) dan Yin (2009) juga berpendapat bahawa penggunaan reka bentuk penyelidikan kajian kes yang menggunakan data kualitatif amat sesuai jika sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang pengkaji atau unit, satu kelas, sekolah atau masyarakat, satu kumpulan manusia, keluarga, peristiwa atau budaya.

### Instrumen Kajian

Data kajian dikumpul menggunakan instrumen temu bual semi berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen (Creswell 2008, Sabitha 2005) dan dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 7.5.12. Untuk itu, setiap peserta kajian ditemu bual sepanjang kajian, di samping proses

pemerhatian dan penelitian dokumen juga dilakukan.

Dengan gabungan ketiga-tiga pendekatan ini, secara langsung dapat menghasilkan dapatan kajian dengan lebih mendalam serta menyeluruh di samping berupaya meneroka sebarang persoalan penyelidikan bagi menghasilkan huraian serta penjelasan dengan lebih tepat dan perinci (Marshall dan Rossman 2006). Melalui kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen, pengkaji juga dapat mengetahui dan mengenal pasti dengan lebih perinci serta tepat tentang amalan yang diperlakukan oleh guru ketika mengajar literasi bahasa Melayu tahap 2 di dalam bilik darjah.

### **Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen**

Untuk memantapkan dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, kajian rintis dijalankan terhadap item-item temu bual kepada guru yang menyerupai responden dalam kajian sebenar. Kajian rintis merupakan satu mekanisme untuk mengenal pasti masalah yang berkemungkinan timbul ketika melaksanakan kajian sebenar. Merriam (2001) berpendapat bahawa dalam reka bentuk pengumpulan data secara kualitatif, kajian rintis adalah sangat penting untuk dijadikan prototaip bagi kajian sebenar. Kajian rintis memberi peluang dan pengalaman kepada pengkaji memperbaiki segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam instrumen yang akan digunakan. Kajian rintis bukanlah bertujuan untuk mendapatkan data tetapi lebih kepada mempelajari proses melaksanakan kajian serta memperbaiki segala kelemahan dalam prosedur serta instrumen kajian yang dirangka.

### **Analisis Data**

Setelah data dikumpul dan disusun, maka proses menganalisis data dilaksanakan menggunakan perisian ATLAS.ti. Perisian tersebut membantu pengkaji mengorganisasikan timbunan data yang banyak agar dapat memberi gambaran yang menyeluruh bagi memenuhi kehendak persoalan kajian dan kerangka teoritikal. Menurut Merriam (2001), data yang disimpan ialah data yang bermakna untuk membuat interpretasi hasil

daripada temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang dilakukan oleh pengkaji.

### **Kebolehpercayaan Analisis Indeks Koefisien Cohen Kappa**

Bagi menentukan kebolehpercayaan tema dan unit data dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengiraan Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa seperti yang dicadangkan oleh Yin (2009). Analisis Indeks Cohen Kappa merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapatkan kebolehpercayaan setiap unit yang dianalisis daripada data kualitatif dalam bentuk verbatim. Kaedah analisis indeks persetujuan ini banyak digunakan oleh pengkaji tempatan seperti Hamdi (2011), Zaharah (2008) dan Zamri (2004) yang telah menunjukkan darjah persetujuan yang tinggi bagi setiap unit yang dianalisis.

Dalam hal ini, pengkaji akan memohon bantuan daripada tiga orang pakar bahasa Melayu untuk menyemak serta membuat komen terhadap protokol temu bual yang telah dibina oleh pengkaji. Ketiga-tiga pakar yang dipilih merupakan tenaga pengajar yang berpengalaman dalam bidang yang dikaji.

Setelah ketiga-tiga pakar tersebut membuat penilaian, maka pengkaji akan mengira nilai persetujuan tersebut. Nilai pekali persetujuan daripada setiap pakar direkodkan berasingan dengan tujuan untuk mendapatkan satu nilai pekali persetujuan keseluruhan proses tersebut. Kaedah ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti kebolehpercayaan data kualitatif yang dikumpul di samping menentukan kesesuaian kategori, tema, sub tema atau sub-sub tema dengan unit data yang dianalisis. Seterusnya, proses ini juga akan memudahkan pengkaji menganalisis dan menginterpretasikan data temu bual dan pemerhatian dengan lebih lancar.

Dalam hal ini, bagi menentukan tahap indeks persetujuan koefisien Cohen Kappa dalam kajian ini, pengkaji menggunakan nilai seperti yang disyorkan oleh Landis dan Kosh (1977) dalam Zamri (2004). Landis dan Kosch (1977) berpendapat bahawa sesuatu penyelidikan dalam bentuk kajian kes yang baik harus mematuhi ujian kesahan dan kebolehpercayaan.

Pengiraan persetujuan menggunakan skala Cohen Kappa sesuai digunakan (Landis & Kosh 1977). Landis dan Kosh (1977) juga berpendapat,

nilai koefisien Cohen Kappa yang melebihi 0.75 merupakan persetujuan yang terbaik ke atas 50 peratus jangka persetujuan. Nilai koefisien Cohen Kappa 0.40 hingga 0.75 adalah pada peringkat sederhana, sementara nilai daripada 0.40 dan ke bawah adalah dikategorikan lemah kerana berada di bawah 50 peratus (Noraini 2010). Jadual 2 menunjukkan skala interpretasi Cohen Kappa kajian ini.

JADUAL 2. Skala Persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Persetujuan
Bawah 0.00	Sangat lemah
0.00 – 0.20	Lemah
0.21 – 0.40	Sederhana lemah
0.41 – 0.60	Sederhana
0.61 – 0.80	Baik
0.81 – 1.00	Sangat baik

Sumber: Landis dan Kosh (1977) dalam Zamri (2004)

Bagi mendapatkan nilai kebolehpercayaan data temu bual yang menggunakan kaedah Indeks Kebolehpercayaan Cohen Kappa seperti yang dicadangkan oleh Yin (2009) dan Zamri (2004) adalah seperti berikut:

- $K = \frac{fa - fc}{N - fc}$
- K - nilai pekali
- fa - bilangan item/unit yang dinilai persetujuan oleh setiap pakar
- fc - 50% jangkaan persetujuan
- N - bilangan item/unit yang dinilai persetujuan

Setelah mendapat pandangan dan juga persetujuan pakar indeks daripada ketiga-tiga orang pakar yang mahir dalam bidang yang dikaji, selanjutnya pengkaji menganalisis persetujuan pakar dengan membuat perkiraan seperti pada Jadual 3.7. Nilai pekali persetujuan daripada setiap pakar direkodkan berasingan dengan tujuan untuk mendapatkan satu nilai pekali persetujuan keseluruhan proses tersebut. Sehubungan dengan itu, kaedah ini dapat membantu pengkaji mengenal pasti kebolehpercayaan data kualitatif yang dikumpul di samping menentukan kesesuaian kategori, tema, sub tema atau sub-sub tema dengan unit data yang dianalisis. Seterusnya, proses ini

juga akan memudahkan pengkaji menganalisis dan menginterpretasikan data temu bual dan pemerhatian dengan lebih lancar.

Hasil daripada penilaian yang telah dilaksanakan ini, didapati frekuensi persetujuan bagi unit-unit yang diuji adalah tidak sama. Bagi pakar pertama, frekuensi persetujuan ialah 60 daripada 64 bilangan unit yang diuji. Bagi pakar yang kedua pula, frekuensi persetujuan ialah 62 daripada 64 bilangan unit yang diuji dan pakar ketiga mendapat frekuensi persetujuan 56 daripada 64 bilangan unit yang diuji.

Berpandukan maklumat yang terdapat dalam Jadual 3. didapati bahawa kebolehpercayaan Cohen Kappa kajian ini adalah 0.87. Nilai ini merupakan satu nilai kebolehpercayaan yang dikategorikan sangat baik kerana unit analisis yang dilaksanakan oleh pengkaji sesuai dengan tema kajian yang dikemukakan.

JADUAL Error! No text of specified style in document.. Pengiraan nilai persetujuan bagi koefisien Cohen Kappa antara pakar penilai

Nilai persetujuan Pakar 1	Nilai persetujuan Pakar 2	Nilai persetujuan Pakar 3	Purata keseluruhan persetujuan Pakar
$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	$K = \frac{fa - fc}{N - fc}$	$K = \frac{0.88 + 0.94 + 0.80}{3}$
$K = \frac{60 - 30}{64 - 30}$	$K = \frac{62 - 31}{64 - 31}$	$K = \frac{57 - 28.5}{64 - 28.5}$	$K = \frac{2.62}{3}$
<b>K = 0.88</b>	<b>K = 0.94</b>	<b>K = 0.80</b>	<b>K = 0.87</b>

## DAPATAN KAJIAN

### Amalan Pengajaran Literasi Bahasa Melayu Tahap 2 dalam Kalangan Guru di Sekolah Murid Penan

Melalui pemerhatian pengajaran guru bahasa Melayu, didapati guru mempunyai amalan pengajaran yang pelbagai. Amalan yang diaplikasikan merangkumi: (i) pendekatan, (ii) kaedah dan (iii) teknik pengajaran mengikut tahap pencapaian murid Penan di dalam sesebuah bilik darjah.

#### Pendekatan Pengajaran Literasi Bahasa Melayu

Pemilihan sesuatu pendekatan yang berkesan berdasarkan pada tajuk dan tahap pencapaian murid memerlukan kebijaksanaan seseorang guru untuk merancang P&P (Zamri 2014). Dapatkan kajian menunjukkan tiga daripada lima peserta kajian, iaitu GBM1, GBM2 dan GBM5 melaksanakan pengajaran literasi bahasa Melayu menggunakan pendekatan yang sama meskipun sekolah yang berbeza, iaitu pengajaran berfokus kepada sesuatu kemahiran pada setiap hari dalam tempoh pengajaran guru seminggu. Contoh huraiyan yang menggambarkan pengajaran berfokus daripada peserta kajian adalah seperti berikut:

Saya mengajar memfokuskan kepada sesuatu kemahiran. Maksud saya, jika saya mengajar seperti kefahaman, tatabahasa, karangan atau karangan bergambar, saya ajar misalnya, kefahaman pada hari Isnin, penulisan hari Selasa, bina ayat berpandukan gambar pada hari Rabu dan tatabahasa pula hari Khamis dan Jumaat saya selalu buat ulang kaji kemahiran yang telah diajar (GBM1SP1/TB:87).

GBM2 pula bersepakat dengan GBM1 bahawa cara mengajar murid-murid Penan tahap 2 adalah perlu berfokus kepada sesuatu kemahiran kerana pengajaran guru kepada murid-murid Penan tahap 2 lebih menumpukan kepada pengukuhan penguasaan berbahasa. GBM2 mengatakan;

Kita mengajar tumpukan kepada sesuatu tajuk atau kemahiran dalam sesuatu hari. (GBM2SP1/TB:74). GBM5 juga memberi pandangan yang sama iaitu; Saya amalkan pengajaran berfokus kepada sesuatu tajuk. Ini bermaksud pada setiap hari saya tumpukan sesuatu tajuk atau kemahiran saja supaya murid-murid tidak keliru (GBM5SP2/TB:58).

Melalui daptan triangulasi kajian daripada analisis dokumen iaitu dari buku rekod persediaan mengajar harian dan pemerhatian yang dilaksanakan, didapati GBM1, GBM2 dan GBM5, melaksanakan pengajaran secara berfokus kepada sesuatu kemahiran seperti yang telah ditetapkan. Ketiga-tiga peserta kajian menyatakan bahawa pendekatan tersebut lebih senang dirancang dan memberi kelebihan kepada murid kerana murid telah tahu kemahiran-kemahiran yang akan diajar oleh guru. Contoh pernyataan GBM1:

Bagi saya pengajaran berfokus lebih senang untuk saya membuat persediaan dan perancangan P&P saya. (GBM1SP1/TB:102).

...bagi saya amat bagus kerana cara tersebut dapat membantu murid-murid bersedia untuk belajar (GBM2SP1/TB:82).

...bersistematik serta mudah dilaksanakan kerana murid-murid sudah tahu apa yang akan diajar oleh guru (GBM5SP2/TB:65).

Peserta kajian GBM3 dan GBM4 memberi pendapat yang berbeza di mana mereka menggunakan pendekatan eklektik dan induktif dalam pengajaran literasi Bahasa Melayu tahap 2. GBM3 menjelaskan:

...bagi saya pendekatan eklektik sesuai digunakan untuk mengajar bahasa kepada murid-murid Penan di sini. Mengapa saya cakap begitu kerana pendekatan itu dapat diaplikasikan kepada murid-murid yang pelbagai kebolehan (GBM3SP1/TB:76).

GBM4 pula mengatakan bahawa pengajaran literasi bahasa kepada murid-murid Penan sesuai menggunakan pendekatan induktif kerana ramai dalam kalangan murid kelas beliau masih lemah terutama dalam penulisan karangan. GBM4 berpendapat:

...selalu menggunakan pendekatan induktif kerana pendekatan induktif sesuai kepada murid yang lemah. Di sini kebanyakan murid saya masih lemah terutama dalam membuat karangan. Mereka tak dapat mengembangkan idea (GBM4SP2/TB:61).

Hasil daripada pemerhatian dan latihan yang diberi kepada murid, didapati GBM3 dan GBM4:

...menyediakan latihan pelbagai mengikut tahap pencapaian murid (GBM3SP1/AD:4; GBM4SP2/AD:5)

### ***Kaedah Pengajaran Literasi Bahasa Melayu***

Daripada aspek kaedah pengajaran, daptan kajian menunjukkan kesemua peserta kajian menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran literasi bahasa Melayu di sekolah Penan. Daripada kesemua peserta kajian tersebut, (i) kaedah oral-aural, (ii) kaedah ajuk hafazan dan (iii) kaedah

didik hibur menjadi pilihan peserta kajian dalam pengajaran mereka.

#### *Kaedah Oral-Aural*

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, kaedah oral-aural selalu diaplikasikan pada sesi set induksi kerana guru dan murid berinteraksi secara rawak dan juga individu sebelum meneruskan proses P&P selanjutnya. Pembuktian penggunaan kaedah oral-aural dapat diteliti menerusi temu bual kesemua peserta kajian seperti berikut;

...kaerah oral-aural amat sesuai digunakan untuk mengajar bahasa kepada murid-murid Penan (GBM3SP1/TB:96)

...saya selalu guna kaerah oral-aural dan menghafaz kerana kaerah ini memberi latihan secara latih tubi (GBM2SP1/TB:90)

#### *Kaedah Hafazan*

Kaedah hafazan digunakan oleh peserta kajian untuk membantu murid-murid Penan menguasai kemahiran bahasa, terutamanya kemahiran membaca dan menulis.

...biasa digunakan ialah kaerah hafazan menerusi teknik penyoalan di mana murid-murid perlu dibimbing kemahiran-kemahiran bahasa (GBM4SP2/TB:73)

Saya selalu guna kaerah hafazan untuk mengajar bahasa Melayu kepada murid-murid Penan (GBM5SP1/TB:82, 86).

#### *Kaedah Didik Hibur*

GBM1 dan GBM5 juga menggunakan kaerah mentor-mentee, didik hibur dan kaerah terus dalam pengajaran mereka seperti yang dinyatakan berikut:

...kaerah yang sesuai ialah mentor-mentee, dan juga nyanyian sebab murid Penan ni dia suka menyanyi (GBM1SP1/TB:131)

Satu lagi kaerah yang selalu saya gunakan iaitu kaerah terus (GBM5SP1/TB:86)

Hasil daripada pemerhatian yang dilaksanakan didapati murid-murid Penan suka menyanyi dan

melaksanakan aktiviti-aktiviti berbentuk didik hibur.

#### *Teknik Pengajaran Literasi Bahasa Melayu*

Dalam konteks pendidikan, teknik boleh ditakrifkan sebagai kemahiran seseorang guru dalam mengelola dan melaksanakan kaerah mengajar dalam sesuatu aktiviti P&P yang lebih khusus untuk mencapai sesuatu objektif pengajaran. Dalam kajian ini, teknik pengajaran literasi bahasa Melayu berfokus kepada: (i) teknik pengajaran lisan, (ii) membaca dan (iii) menulis karangan.

#### *Teknik Pengajaran Lisan*

Pengajaran lisan merupakan aspek terpenting dalam P&P bahasa. Seseorang murid dapat menguasai kemahiran lisan dengan baik akan memudahkannya menguasai kemahiran lain seperti kemahiran membaca dan menulis. Teknik pengajaran lisan perlu dititikberatkan untuk memudahkan murid bertutur dan memahami pertuturan orang lain. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa semua peserta kajian lebih gemar menggunakan teknik bersoal jawab dan perbincangan dalam pengajaran lisan mereka. Hal ini dijelaskan dibuktikan menerusi temu bual dengan peserta kajian.

...lepas tu saya boleh berbincang dan bersoal jawab mengenai cerita tersebut (GBM1SP1/TB:185)

...saya gunakan teknik latih tubi, perbincangan secara kelas (GBM2SP1/TB:144)

...kita berbincang dan bersoal jawab dengan mereka dan galakkkan mereka bertutur dalam bahasa Melayu (GBM4SP2/TB:118, 122)

#### *Teknik Pengajaran Membaca Murid Lemah*

Kemahiran membaca merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa yang penting dalam proses P&P bahasa. Kebolehan membaca merupakan ukuran kejayaan murid-murid di sekolah kerana ini dianggap sebagai asas bagi mencapai kejayaan dalam semua bidang. Bagi memantapkan penguasaan membaca seseorang

murid, pemilihan teknik yang bersesuaian dengan tahap pencapaian murid adalah sangat penting.

Dapatkan kajian menunjukkan pelbagai teknik pengajaran membaca diaplikasikan oleh peserta kajian. Peserta kajian GBM1, GBM2, GBM4 dan GBM5 menggunakan teknik latih tubi dan membatang suku kata sebagai pilihan mereka. Pengaplikasian teknik latih tubi dan membatang suku kata oleh peserta kajian digunakan untuk membantu terutama murid-murid Penan yang lemah membaca:

...biasa saya gunakan latih tubi dengan bimbingan guru atau rakan sebaya. Bagi murid yang lemah membaca, teknik yang sesuai ialah dengan cara membatangkan suku kata terbuka berpandukan pada kad perkataan (GBM1SP1/TB:195, 203),

Latihan membaca kerap kali dilaksanakan. ...murid PROTIM kita membimbng mereka membaca teks pendek yang mengandungi suku kata yang berwarna-warni untuk memudahkan murid membatang atau membunyikan suku kata. (GBM2SP1/TB:158, 167)

Teknik main peranan, menggalakkan murid yang pandai untuk menjadi guru kepada murid lain (GBM4SP2/TB:125)

Triangulasi ini dapat ditemui pada catatan nota lapangan pemerhatian pengajaran membaca menunjukkan GBM2 dan GBM4 membimbng murid-murid PROTIM melatih tubi membaca suku kata berpandu pada teks bacaan secara kumpulan kecil dan individu di hadapan kelas. Hal ini dijelaskan melalui catatan nota lapangan pemerhatian pengkaji terhadap pengajaran GBM2 dan GBM4:

...guru membimbng murid-murid yang lemah membaca teks pada carta sementara murid-murid perdana membuat latihan masing-masing (GBM2SP1/NLP:2; GBM4SP2/NLP:4).

GBM1 dan GBM5 juga melaksanakan pengajaran membaca kepada murid-murid yang lemah secara individu menggunakan buku *Bacalah Sayang* yang dipinjamkan kepada murid-murid. Catatan nota lapangan pemerhatian menunjukkan bahawa GBM1 dan GBM5 melakukan bimbngan membaca kepada murid-murid PROTIM. Ini dijelaskan melalui catatan nota lapangan

pemerhatian pengkaji terhadap pengajaran GBM1 dan GBM5:

...guru membimbng murid-murid membatangkan suku berpandukan pada teks dalam buku Bacalah Sayang (GBM1SP1/NLP:1; GBM5SP2/NLP:5).

#### *Teknik Pengajaran Menulis Karangan*

Dalam P&P bahasa, pelbagai teknik pengajaran menulis yang boleh diaplikasikan oleh guru. Guru hendaklah bijak menyesuaikan teknik-teknik tersebut dengan topik yang akan diajar bersesuaian dengan tahap pencapaian murid. Dapatkan kajian menunjukkan pelbagai teknik pengajaran menulis karangan diaplikasikan oleh guru. Teknik pengajaran ini diperjelaskan melalui temu bual yang dilaksanakan. GBM1, GBM2 dan GBM3 menjelaskan:

...saya akan menyuruh murid melengkapkan karangan sama ada disediakan jawapan atau tidak. ...teknik imlak juga bagus supaya dapat melatih murid-murid mengeja dan mengecam bunyi sesuatu perkataan (GBM1SP1/TB:207, 220).

...saya gunakan teknik berpandu dan juga teknik kloz sebab murid-murid di sini belum dapat menghasilkan karangan diri sendiri. Ada juga saya gunakan teknik imlak supaya dapat menguji pengetahuan mereka dalam ejaan. ...saya guna teknik SALAK sebab teknik tersebut mudah difahami oleh murid (GBM2SP1/TB:178, 182).

...saya selalu suruh mereka salin karangan tu dulu supaya mereka faham cara-cara mendapatkan isi sesebuah karangan. ...saya ajar mereka mengarang menggunakan teknik imlak dan menyusun perenggan supaya menjadi cerita yang lengkap. Di sini teknik SALAK sesuai diaplikasikan supaya murid-murid dapat membina ayat gramatis (GBM3SP1/TB:156, 163).

Triangulasi pemerhatian secara langsung ke atas pengajaran peserta kajian tersebut mengesahkan pengkaji mendapati kesemua peserta kajian menggunakan teknik SALAK ketika mengajar membina ayat gramatis melainkan GBM1. Hal ini dijelaskan dalam petikan nota lapangan berikut:

...guru melukiskan jadual SALAK di papan tulis sambil menerangkan maksud SALAK, S

menerangkan Siapa, A maksudnya Aktiviti, L bermaksud Lokasi, A memberi makna Alat dan K ialah Keterangan (GBM2SP1/NLP:6; GBM3SP2/NLP:7; GBM5SP2/NLP:9).

Penjelasan peserta kajian diperkuuhkan lagi dengan analisis dokumen iaitu latihan yang diberi kepada murid (GBM2SP1/AD:6; GBM3SP1/AD:7; GBM4SP1/AD:8; GBM5SP1/AD:9).

### **Masalah Guru dalam Amalan Pengajaran Literasi Bahasa Melayu Tahap 2 di Sekolah Murid Penan**

Dapatkan kajian menunjukkan setiap peserta kajian memiliki tanggapan khusus berkaitan kekangan yang dihadapi dalam pelaksanaan pengajaran literasi bahasa Melayu tahap 2 di sekolah murid Penan. Berdasarkan analisis tema-tema yang diperoleh, secara umumnya kelima-lima peserta kajian menyatakan antara kekangan yang dihadapi oleh guru bahasa Melayu tahap 2 terbahagi kepada tiga, iaitu: (i) masalah murid, (ii) masalah guru dan (iii) masalah ibu bapa.

#### **Masalah Murid**

Sikap murid terhadap pelajaran memainkan peranan penting untuk menentukan kejayaan mereka dalam pendidikan. Masalah kurangnya perhatian dan tumpuan terhadap pelajaran dalam kalangan murid merupakan salah satu masalah utama penguasaan literasi bahasa Melayu tahap 2 di sekolah yang dikaji. Masalah utama murid-murid Penan ini ialah mereka suka ponteng sekolah. Hal ini diperjelaskan oleh semua peserta kajian melalui petikan temu bual berikut:

...berpunca daripada murid-murid tersebut ialah di mana murid-murid ini ramai yang suka ponteng sekolah. (GBM2SP1/TB:262)

Masalah utama kami di sini murid-murid Penan suka ponteng sekolah. Mereka ponteng tu bukan dua tiga hari tapi sampai dua tiga bulan” (GBM3SP1/TB:268)

...kehadiran murid yang tidak konsisten di mana murid-murid terlalu suka ponteng dan murid-murid ini telah terlepas daripada sesi P&P yang sepatutnya diajar” (GBM4SP2/TB:229),

Kenyataan peserta kajian dibuktikan melalui rekod kehadiran murid pada setiap bulan. Dapatkan

kajian melalui analisis dokumen menunjukkan kehadiran murid di SP1 bagi tahun 4 46%, tahun 5 45%, tahun 6 50%. di SP2, kehadiran murid sepanjang tahun bagi kelas tahun 4 67%, tahun 5 80% dan tahun 6 ialah 68% (SP1/AD:10; SP2/AD:11).

Masalah lain yang menjadi punca kegagalan murid-murid Penan menguasai literasi ialah ketidaktumpuan murid terhadap pelajaran. Mereka mahu datang ke sekolah bukan kerana mahu belajar tetapi tujuan utama mereka adalah kerana di sekolah ada makan dan boleh bermain. Dapatkan ini diperoleh daripada temu bual GBM1, GBM2, GBM3 dan GBM5 seperti berikut

Mereka datang ke sekolah bukan apa, mereka mahu bermain dan nak makan (GBM1SP1/TB:306)

Punca mereka mahu datang ke sekolah sebab sekolah ada sediakan makan dan minum (GBM5SP2/TB:255).

Kenyataan peserta kajian ditriangulasi melalui catatan nota pemerhatian lapangan ketika pengkaji pergi ke dewan makan. Catatan nota lapangan yang direkodkan:

Terdapat banyak nasi dalam pinggan meskipun badan kecil. Nampak sangat kuat makan (SP1/NLP:8, SP1/GBR:1).

Di sekolah ini pun murid-murid Penan boleh tahan makan seperti di SP1 (SP2/NLP:9, SP2/GBR:2).

#### **Masalah Guru**

Semua peserta kajian di SP1 dan SP2 bersetuju menyatakan bahawa antara masalah yang mereka hadapi ialah hendak menghabiskan sukatan pelajaran. Perkara ini berlaku kerana guru terpaksa mengulang semula kemahiran yang telah diajar disebabkan murid-murid Penan lambat menguasai kemahiran yang diajar. Kenyataan ini dijelaskan melalui pernyataan berikut

...kita perlu mengajar...mengajar semula kemahiran yang mereka tertinggal (GBM1SP1/TB:312)

...menjadi kekangan kepada saya untuk menghabiskan sukatan pelajaran tersebut (GBM2SP1/TB:273)

...tu menjadi penghalang kepada guru sukar menghabiskan sukanan pelajaran (GBM5SP2/TB:259).

Masalah murid Penan tidak ada alat-alat tulis ketika belajar juga menjadi masalah kepada guru. Dalam hal ini guru terpaksa menyediakan alat-alat tulis kepada murid setiap hari. Hal ini dinyatakan oleh GBM2 dan GBM4:

Malah buku latihan yang dibawa balik ke rumah tu, ada yang tak ada muka surat lagi. Pensel tak ada. Itulah kami tak mahu murid-murid bawa buku balik ke rumah. Pensel kami sediakan. Masa masuk ke dalam kelas kami bawa pensel dan selesai mengajar bawa balik lagi (GBM2SP1/TB:307)

Masalah lain macam tak ada buku dan pensel memang sudah menjadi satu kebiasaan kepada murid-murid di sini. Kita terpaksa sediakan pensel kepada mereka. Jika tidak, tak ada mereka pakai sebab hilanglah, patahlah (GBM4SP2/TB:275).

### ***Masalah Ibu Bapa***

Sikap ibu bapa juga penyumbang kepada kegagalan penguasaan literasi bahasa Melayu tahap 2 di sekolah seluruh masyarakat Penan. Kesemua peserta kajian menyatakan bahawa ibu bapa murid-murid Penan kurang mementingkan pelajaran anak-anak mereka. Ini dijelaskan melalui temu bual berikut:

Ibu bapa menyerahkan tanggungjawab mendidik anak mereka seratus peratus kepada guru. ... ibu bapa tak kisah sangat anak mereka tak datang ke sekolah. Bila mereka nak memburu atau cari umbut dalam hutan, mereka bawa bersama anak-anak ke dalam hutan (GBM1SP1/TB337, 345)

...ibu bapa mereka tidak mempedulikan anak-anak mereka sama ada mahu sekolah atau tidak. Ibu bapa membawa anak mereka ke dalam hutan mencari buah-buahan. Kadang-kadang mereka ikut ibu bapa memburu dan menangkap ikan (GBM3SP1/TB: 274)

Ibu bapa masih belum sedar akan pelajaran anak-anak mereka. ...sesuka hati bawa anak mereka memburu, pergi menangkap ikan, pergi ke huma dan sebagainya (GBM4SP1/TB: 267)

## **PERBINCANGAN**

### **Amalan Pengajaran Literasi Guru Bahasa Melayu di Sekolah Murid Penan**

Setelah meneliti kesemua dapatan kajian yang berkaitan dengan amalan pengajaran literasi bahasa Melayu di sekolah peribumi di Sarawak, peranan guru adalah sangat penting untuk mengubah iklim pembelajaran yang berkesan. Dalam P&P bahasa, proses penyampaian guru akan melibatkan tiga bentuk strategi, iaitu pendekatan, kaedah dan teknik (Zamri 2014). Untuk menentukan pengajaran dilaksanakan dengan berkesan, ketiga-tiga bentuk ini akan diintegrasikan secara harmoni.

Guru-guru bahasa kerap menghadapi masalah dalam pengajaran bahasa Melayu disebabkan kelemahan guru memilih strategi pengajaran yang sesuai dengan aras pencapaian murid (A. Chellamal 2005). Zamri (2014) menyatakan kesesuaian pendekatan dan kaedah banyak bergantung pada murid, persekitaran dan keperluan P&P.

Di peringkat sekolah rendah, amalan P&P bahasa Melayu telah memberi penekanan kepada prinsip 5P iaitu penggabungan, penyerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan (Siti Zaleha 2015, KPM 2011). Secara tidak langsung pendekatan ini membantu menghasilkan pengajaran guru dengan lebih efektif dan bersistematik. Pengajaran yang efektif adalah P&P yang dapat mewujudkan suasana yang merangsang dan menggalakkan murid untuk belajar dan bertindak balas terhadap jasmani, emosi, rohani dan intelektual (Arniza dan Zamri 2018).

Pendapat ini selari dengan Zamri (2014) yang menyatakan bahawa fungsi pengajaran adalah menghasilkan pembelajaran yang efektif. Dalam hal ini, guru seharusnya mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran bersesuaian dengan tahap pencapaian murid di samping bijak merancang pengajaran yang bersistematik.

Dalam pengajaran bahasa, pengajaran lisan merupakan kemahiran paling asas yang harus dikuasai oleh murid sebelum mempelajari kemahiran membaca dan menulis. Untuk itu, kaedah oral-aural dan ajuk hafaz sangat penting diaplikasikan kepada murid-murid sekolah rendah terutama yang masih lemah dalam pembelajaran kerana kaedah pengajaran tersebut menjurus

kepada kemahiran asas dalam lisan untuk membaca dan menulis (Adenan & Khairuddin 2012). Kaedah pengajaran oral-aural dan juga ajuk hafaz menitikberatkan aktiviti pengulangan fakta dengan tujuan untuk mencapai taraf penguasaan murid terhadap kemahiran, di samping menjamin pengekalannya. Teknik latih tubi dalam pengajaran bahasa amat penting untuk mengingat kembali pembelajaran yang telah dipelajari terutama kepada murid-murid yang lemah dan mudah lupa.

### **Masalah Pengajaran Literasi Bahasa Melayu Murid Penan**

Amalan P&P literasi bahasa Melayu yang bersesuaian dengan tahap kebolehan serta sosiobudaya murid Penan merupakan satu perkara yang menjadi kemestian untuk membantu kaum minoriti ini agar hasrat merapatkan jurang pendidikan antara kaum peribumi dengan masyarakat lain dapat dilaksanakan seperti yang telah dirancang dalam PPPM 2013-2025 (KPM 2013a).

Untuk itu, anjakan yang kedua dalam PPPM yang mahukan setiap murid fasih dalam bahasa Melayu (KPM 2013a) dapat diatasi dan sekali gus memartabatkan bahasa Melayu. Jika hasrat ini dapat dicapai dan menjadi realiti kepada murid Penan, maka sudah tentu ini dapat membantu meningkatkan tahap akademik masyarakat Malaysia secara keseluruhannya dan sekali gus melahirkan lebih ramai masyarakat cerdik pandai untuk memajukan negara.

Dapatan daripada kajian ini dapat memberi input-input baru kepada penggubal dasar terutama KPM menambah baik kurikulum yang sedia ada seperti KAP supaya dikaji semula dari segi isi kandungan sukanan pelajaran, struktur dan strategi P&P literasi bahasa Melayu dalam konteks masa kini. Pengajaran berbentuk didik hibur perlu diperluaskan kerana hasil dapatan kajian menunjukkan murid-murid Penan meminati aktiviti-aktiviti didik hibur seperti menyanyi bermain dan menari.

Pihak berkepentingan perlu merujuk kembali dasar dan perancangan yang telah dilaksanakan mengikut minat murid-murid Penan dalam pembelajaran dengan membekalkan guru-guru yang berpotensi dalam bidang nyanyian atau bermain alat muzik supaya bakat murid-murid Penan dapat diglap dan sekali gus aktiviti-aktiviti

tersebut menarik minat murid Penan datang ke sekolah.

Guru bahasa Melayu seharusnya merancang pengajaran dengan teliti berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada murid (KPM 2001b). Dalam proses tersebut, murid-murid Penan akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu.

Masalah ponteng merupakan masalah utama di sekolah-sekolah yang dikaji. Ketidakhadiran murid-murid Penan ke sekolah bercanggah dengan dasar kerajaan yang mewajibkan murid-murid mesti hadir ke sekolah tidak kurang daripada 90% pada setiap hari. Masalah ketidakhadiran yang terlalu tinggi akan menyebabkan murid-murid ketinggalan dalam pembelajaran. Bagi mengatasi masalah ini, satu model pengajaran khas untuk murid-murid Penan harus difikirkan supaya masalah keciciran mereka dalam pelajaran dapat dikurangkan.

### **KESIMPULAN**

Keberkesanan sesuatu proses P&P bergantung kepada kearifan dan kebijaksanaan seseorang guru menentukan objektif dan isi pelajaran yang berkaitan dengan komponen persekitarannya. Ruhaiza (2014) menyatakan bahawa untuk menjadi guru yang baik bukan sahaja memerlukan kelayakan akademik, tetapi elemen lain seperti pengalaman dan kaedah pengajaran yang mantap daripada seseorang guru sangat penting.

Dalam hal ini, guru bahasa Melayu perlu cekap mengaplikasikan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai untuk melaksanakan proses P&P melalui interaksi di antara guru dan murid Penan dengan objektif dan isi pelajaran dalam persekitarannya. Untuk menentukan proses P&P bahasa dilaksanakan dengan berkesan, amalan pengajaran yang hendak dirancang perlu mengambil kira konsep pendekatan, kaedah dan teknik dengan lebih awal sebelum guru masuk ke bilik darjah untuk mengajar (Adenan dan Khairuddin 2012). Hal ini kerana amalan pengajaran merupakan rancangan untuk mencapai sesuatu matlamat pembelajaran melalui satu proses yang dikawal.

Tegasnya, guru bahasa Melayu sewajarnya mempelbagaikan kaedah P&P agar bersesuaian dengan tujuan dan objektif pengajaran, bahan-

bahan pengajaran, latar belakang pelajar serta persekitaran pembelajaran yang ingin diwujudkan (Noraini & Shuki 2009). Oleh itu, amalan dalam penyampaian pengajaran bahasa yang berkesan dan menarik memerlukan gabungan beberapa komponen yang berkaitan seperti strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang pelbagai (Zamri 2014). Hal ini bermakna, guru bahasa Melayu perlu bersedia untuk membuat segala perancangan dengan rapi, tersusun dan kemas sebelum pengajaran dilaksanakan, di samping menguasai pengetahuan yang tinggi dalam bidang yang hendak diajar.

## RUJUKAN

- A. Chellamal Bagavathy. 2005. Mengatasi kelemahan murid menguasai aspek tatabahasa dalam Bahasa Melayu melalui cara permainan bahasa. Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPBA 2005. <http://www.web.apps.emoe.go.my/ipba/rdibpa/cd1/article52.pdf>
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd. Jelas. 2009. *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad. 2012. *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Arniza Mokhtar & Zamri Mahamod. 2018. *Kemahiran bernilai tambah: Teori dan amali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Creswell, J.W. 2008. *Research design: Qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Hamdi Ishak. 2011. Amalan pengajaran guru pendidikan Islam di sekolah kebangsaan pendidikan khas (masalah pendengaran) satu kajian kes. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1998. *Program khas murid Orang Asli: Huraian sukanan pelajaran tahun pemuliharaan bahasa Melayu*. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001b. *Laporan tahunan 2001*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2003. *Sukatan pelajaran bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2009. *Standard guru Malaysia*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010a. *NKRA Kementerian Pelajaran Malaysia*. Dimuat turun pada 20 Januari 2018. <http://www.moe.gov.my/>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010b. *Standard kualiti pendidikan Malaysia 2010*. KPM: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2011. *Buku panduan guru Bahasa Malaysia (SK) KSSR*. Kuala Lumpur: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012a. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012b. *Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012c. *Kurikulum kelas dewasa bagi ibu bapa murid Orang Asli dan peribumi (KEDAP)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Landis, J. & Kosh, G.G. 1977. The measurement of observer agreement for categorical data. *Jurnal of Biometrics*, 33:159-174.
- Marohaini Yusoff. 2004. *Penyelidikan kualitatif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Marshall, C. & Rossman, G.B. 2006. *Designing qualitative research*. 4<sup>th</sup> Edition. Thousand Oaks, CA: Sage Public.
- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative research and case study applications in education*. 4<sup>th</sup> Edition. Thousand Oaks, CA: Jossey-Bass.
- Noraini Idris & Shuki Osman. 2009. *Pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education.
- Noraini Idris. 2010. *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

- Nur Bahiyah Abdul Wahab. 2013. Penerapan elemen sekolah rimba Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli. Tesis Dr. Fal. Universiti Tun Hussein Onn.
- PPD Baram & Belaga. 2013. *Laporan keputusan PROTIM murid-murid Penan di Sarawak*. Pejabat Pendidikan Daerah Baram dan Belaga.
- PPD Baram & Belaga. 2014. *Laporan keputusan UPSR murid-murid Penan di Sarawak*. Pejabat Pelajaran Daerah Baram dan Belaga.
- PPD Baram & Belaga. 2015. *Laporan keputusan UPSR murid-murid Penan di Sarawak*. Pejabat Pelajaran Daerah Baram dan Belaga.
- Ragbir Kaur Joginder Singh. 2012. *Pedagogi*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sd. Bhd.
- Ruhaiza Rusmin. 2014. Perlu pengalaman dan kaedah mantap. *Harian Metro*, 20 Januari: V4.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Siti Zaleha Mohd Nor. 2015. Pelaksanaan konsep 5P (penggabungjalinan, penyerapan, pengayaan, pemulihan dan penilaian) dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yin, R.K. 2009. *Case study research: Design and methods*. 4<sup>th</sup> Edition.. Thounsand Oak, CA: Sage Publications.
- Zaharah Hussin. 2008. Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan pendidikan Islam. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2004. Strategi pembelajaran bahasa Melayu pelajar Melayu. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. 2014. *Inovasi P&P dalam pendidikan bahasa Melayu*. Cetakan Ketiga. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.